

<b>Headline</b>	<b>Bengkel Cendawan Intensif bermula esok</b>		
<b>Date</b>	<b>27. Jun 2008</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Media Title</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Page No</b>	<b>4</b>
<b>Section</b>	<b>Supplement</b>	<b>Article Size</b>	<b>194 cm<sup>2</sup></b>
<b>Circulation</b>	<b>238082</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Readership</b>	<b>833287</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>



# Bengkel Cendawan Intensif bermula esok

SERAMAI 50 peserta Bengkel Lanjutan Usahawan Cendawan Mega-UPM dan Agrobank akan memulakan program mereka bermula esok hingga Isnin ini.

Peserta akan menginap di Institut Pembangunan Bank Pertanian Malaysia (Abadi) di Bangi, Selangor sepanjang tiga hari itu.

Justeru, pengajur meminta peserta yang telah terpilih supaya mendaftar pada pukul 8.30 pagi di Abadi sebelum program rasmi dimulakan dan membawa pakaian yang sesuai.

Bengkel intensif tersebut lebih dapat dengan latihan praktikal, bermula dari penyediaan polibeg dan media tanaman hingga, aspek

penjagaan, pengukusan, penyuntikan benih yang mana peserta sendiri melakukannya menggunakan teknik yang betul.

Seperti mana pada bengkel pengenalan, yang melibatkan Agrobank dan Pusat Pengembangan Keusahawanan dan Pemaju Profesional (APEEC) Universiti Putra Malaysia (UPM), peserta didedahkan dengan teknik penyediaan kertas kerja projek yang betul oleh bank terbabit manakala UPM akan memberi motivasi bagaimana menjadi usahawan tulen.

Antara aktiviti menarik ialah melawat ladang cendawan Vita Agro di Tanjung Sepat, Sepang, Selangor.



PESERTA berpeluang melawat ladang Vita Agro yang merupakan antara perusahaan cendawan yang terkenal di negara ini.